

# Seniman Abdullah Ariff Sebagai Propagandis Visual Sewaktu Pendudukan Jepun Di Malaya

Saiful Akram Che Cob, Phd  
*Jabatan Grafik, FSSR Puncak Alam*

*saifulakram@salam.uitm.edu.my*

## Abstrak

Artikel ini menganalisis karya-karya seniman Abdullah Ariff bercorak propaganda di era yang mencabar, bingung, kacau-bilau dan adakalanya dramatik pada zaman pendudukan Jepun yang penuh polemik dan konflik. Periode Perang Dunia Kedua adalah zaman yang tidak akan dapat dilupakan oleh mana-mana ketamadunan moden. Pendudukan Jepun di Malaya dari tahun 1942 hingga 1945 menjadi titik tolak perubahan kuasa politik dunia, yang mana tempiasnya turut merasuk masuk kepada aktiviti-aktiviti kesenimanian di Malaya. Karya-karya propaganda yang dihasilkan oleh Abdullah Ariff menjadi dokumen sejarah visual negara bahawa seniman ini pernah bergiat aktif sebagai propagandis yang ‘pro’ kepada pemerintah Jepun di sepanjang tempoh pendudukan

Kata Kunci: Pendudukan Jepun, visual, propaganda, propagandis

Seniman Abdullah Ariff (1904-1960), yang sosok dikenal sebagai tokoh seni lukis moden Malaysia, seringkali mengusik jiwa penghayat seni dengan cetusan karya-karyanya yang mempunyai sentuhan estetik, polemik, energetik, politik malahan kadangkala tebal dengan nuansa akademik. Suasana berkarya yang senada dengan zaman-zaman yang ditempuhinya, menjadikan beliau seorang seniman yang prolifik, bahkan sekali sekala terusik oleh jejak-jejak kontrovesial. Memulakan kerjaya sebagai seorang guru seni, citra Abdullah Ariff dikembang luas kepada anak-anak didiknya, mengajari mereka ilmu seni lukis agar tekal sebagai pelukis-pelukis berilmu. Meniti jejak-jejak zaman dengan pelbagai ragam dan suasana, Zakaria Ali (2007) dalam bukunya “Abdullah Ariff: Bapa Senilukis Moden Malaysia” membahagikan perkembangan seniman ini kepada empat dekad yang berbeza; ‘30-an sebagai Zaman Permulaan’, ‘40-an Zaman Mencapai Sentuhan’, ‘50-an era Menerokai Perkembangan’ dan zaman ‘Kemuncak Kegemilangan’ pada dekad 60-an.

Seperti mana rakyat Malaya yang lain yang inginkan pembebasan daripada belenggu Empayar Imperialis British, Abdullah Ariff turut terpengaruh dengan gagasan Asia Raya melalui doktrin pembebasan *Dai Toa Senso*, ‘Asia untuk orang Asia’ dan ‘Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Timur Raya’ anjuran penakluk baru, Dai Nippon. Mengambil pendirian menyokong Jepun dengan slogan-slogan propagandanya, Abdullah Ariff menggunakan sentuhan kuasa visual dan bakat kesenimanannya melalui karya-karya kartun karikatur bersifat propaganda pro-Jepun dan anti-Barat. Terasa dikhianati dan dipinggirkan oleh British, yang beliau anggap sebagai ‘tuan’ dan penaung kepada pemerintahan di Malaya, menjadikan beliau secara tidak langsung sebagai kolaborator sekaligus propagandis visual, di era pendudukan Jepun di Malaya (Lim, 2009). Karier Abdullah Ariff sebagai propagandis zaman perang dapat ditelusuri pada sketsa-sketsa kartun satira pro-Jepun, yang bersiaran di akhbar-akhbar yang menjadi sumber rasmi penyebaran propaganda oleh Jabatan Di’ayah (*Senden-Bu*) Pentadbiran Tentera Jepun, seperti akhbar *Penang Daily News* dan *The Syonan Sinbun*. Disamping penyiaran kartun di akhbar, Abdullah Ariff turut melukis 45 sketsa kartun pro Jepun, pada sebuah buku kartun berjudul, ‘Perang Pada Pandangan Juru-Lukis Kita’ (*The War As Our Cartoonist Sees It*) yang diterbitkan di Pulau Pinang oleh Shu Seicho Renraku Jimusho pada bulan November 1942, 11 bulan setelah pihak Jepun menduduki Georgetown (Lim, 2009).



Akhbar Penang Daily News, keluaran 24 Oktober 1942



Akhbar The Syonan Sinbun, keluaran 15 Februari 1943

Akhbar Penang Daily News dan The Syonan Sinbun sepetimana akhbar *Malai Sinpo*, Berita Malai, *Syonan Times*, *Malai Shimbun*, Perobahan Baru, *Perak Times* dan beberapa akhbar lagi menjadi sumber utama Kerajaan Dai –Nippon untuk membawa berita-berita dan perkhabaran yang pro-Jepun dan anti-Barat dengan tapisan ketat serta diseliakan oleh Jabatan *Senden-Bu* (Propaganda). Berikut merupakan analisis karya-karya Abdullah Ariff di kedua-dua akhbar dan buku sketsa kartun Perang Pada Pandangan Juru-Lukis Kita yang dimaksudkan:



Visual 1: Kartun “The Long Arm Nippon”,  
Penang Daily News, 7 September 1942


Kartun memperihalkan mengenai kejayaan serangan Tentera Dai Nippon ke atas Pearl Harbour pada 7 Disember 1941 yang melumpuhkan pasukan *American Pacific Fleet*. Rakaman persejarahan detik permulaan pecah Perang Dunia Kedua yang disampaikan melalui media visual, menampilkan Presiden Amerika, Roosevelt sebagai subjek utama karya propaganda anti Barat. Roosevelt dilukiskan berada dalam keadaan ketakutan, cemas dan tidak berdaya dipegang oleh tangan gergasi, simbolik kepada kekuasaan yang lebih besar dan kuat daripada kuasa Amerika. Ekspresi wajah Roosevelt yang sangat ketakutan digambarkan melalui sorotan matanya yang lemah memandang ke atas, tanda kekuasaan Amerika kini berada di bawah tangan (kuasa) *Dai Nippon*. Mulutnya dilukis herot seolah-olah tidak berupaya mengeluarkan kata-kata, kelu dengan kekalahan yang tidak pernah dijangkakan. Garisan kedutan pada jaket yang dipakainya gambaran keadaan yang sudah tidak lagi terurus, selekeh dan sangat comot. Di tangan Roosevelt tergenggam segulung kertas separa renyuk yang bertulis; ‘*Pacific Naval Plan*’ (Terjemahan; Rancangan Armada Laut Pasifik). Kertas ini digenggam dengan erat tanda sebuah rahsia besar yang tidak ingin jatuh ke tangan musuh. Hal yang membawa erti perencanaan dan perancangan Amerika yang telah gagal di Lautan Pasifik. Sepertimana keadaan kertas yang telah renyuk, begitu jugalah renyuk dan hancurnya perancangan mereka dan segala rahsia dan informasi ketenteraan bakal diketahui oleh pihak Jepun. Kaki Roosevelt dilukis terhayun lembik tanpa tulang tanda dayus, tanda kekalahan yang pasti.



**Visual 2:** Kartun “No Way To Escape”,  
Penang Daily News, 9 Oktober 1942

Kartun memperihalkan mengenai kekalahan Amerika Syarikat pada Perang Pasifik kepada Empayar *Dai Nippon* dan sekutunya. Pendekatan prinsip penekanan (*emphasize*) yang menggunakan imej Abraham Lincoln (*Uncle Sam*) sebagai subjek utama bertujuan mengejek dan menghina kuasa Barat. *Uncle Sam* dihormati dan dianggap ikon negara Amerika tetapi wataknya dizahirkan dalam keadaan jelek, hodoh, amat tua dan melucukan, begitu kontradik dengan karektor sebenar pemimpin tersebut. Imej dilukis dalam keadaan seperti di dalam majlis tarian, lengkap dengan lantai tari, cumanya di dalam senario dan konteks yang berbeza. Tarian ‘*Tango Uncle Sam*’ sedang mencuba untuk mengelak tikaman dan hujanan peluru dari pihak paksi (Axis). Wajahnya yang kelihatan sedih tunduk melihat ke bawah (bumi), ekspresi simbolik kepada kejatuhan dan kekalahan sebuah kuasa besar dunia. Imejnya lengkap dengan pakaian tradisi masyarakat Barat, berkot dan bertopi, lengkap diikat kemas oleh ‘*bow tie*’, busana rasmi di dalam majlis tari menari. Elemen garisan dimanfaatkan oleh pelukis untuk menampilkan kesan kedutan pada pakaian, ekspresi wajah, menghidupkan kesan ton dan bayang dengan kawalan kualiti garisan (*the quality of lines*) dengan berkesan. Imej *Uncle Sam* berdiri goyang di atas sebuah ‘pentas tarian’ yang disertakan dengan taipografi bertulis; ‘U.S.A’ dan ‘DEFEAT’. Kakinya yang bengkok membawa pemaknaan keadaan diri yang tidak seimbang, bila-bila masa sahaja boleh tersungkur jatuh menyembah bumi. Pentas tarian tersebut merupakan representasi sebuah peta yang merujuk kepada benua Amerika dan kini sedang mengalami pukulan kekalahan. Justeru, perkataan ‘U.S.A’ (United States of Amerika) dan ‘DEFEAT’ (terjemahan; tewas) menjadi justifikasi keadaan situasi yang di hadapi

oleh Amerika. *Uncle Sam* berseorangan di atas benua negaranya sendiri seumpama pengembara yang sesat di sebuah pulau, tidak tentu arah tuju dan tidak pula berupaya menyelamatkan diri, bersesuaian dengan judul kartun ini.



**Visual 3:** Kartun “They Are Growing More Food”,  
Penang Daily News, 11 Oktober 1942

Pelukis cuba mengalih perhatian pembaca dan penonton kepada hal domestik terutamanya di negeri Pulau Pinang. Pelukis menggambarkan usaha orang Melayu menanam padi untuk meningkatkan hasil supaya rakyat di Malaya cukup makan. Identiti bangsa Melayu dapat diperhatikan pada pakaian yang dipakai oleh pesawah. Imej topi tudung saji dan kain pelikat yang membelit pinggang pesawah mewajarkan pernyataan ini. Dilihat daripada perspektif politik, orang Melayu yang banyak bekerjasama dan mendapat layanan yang baik daripada pihak Jepun berbanding kaum yang lain di Malaya. Imej ini juga dapat dimengertikan sebagai manifestasi sokongan kepada gagasan Orde Baru yang menggalakkan penduduk Malaya mengusahakan dan memakan hasil tanaman sendiri. Pentadbiran Tentera Jepun telah menganjurkan kempen ‘Menanam Lebih Tanaman Untuk Makanan’ (*Growing More Food*) di seluruh Malaya dan Singapura. Visual ini sebenarnya adalah usaha mengolah persetujuan (memujuk dan menarik perhatian khalayak) untuk menutup hakikat bahawa kebuluran sedang berlaku sepanjang tempoh pendudukan. Melalui visual ini, rakyat Malaya akan mendapat maklumat bahawa bekalan beras tidak berkurangan dan usaha penanaman padi giat dijalankan oleh penduduk bertujuan melestarikan sumber domestik. Imej pesawah, bajak dan kerbau yang terdapat pada kartun ini menjelaskan aktiviti yang dijalankan, iaitu membajak dan menuai padi. Pelukis memanfaatkan ilusi ruang (perspektif depan dan belakang) bagi menggambarkan aktiviti ini dengan jelas melalui

pengolahan kualiti garisan dengan sebaik-baiknya.



**Visual 4:** Kartun Abdullah Ariff, ‘Heart Breaking – for the Allies’, dalam buku *The War As Our Cartoonist Sees It*, terbitan Penang Shu Seicho Shimbun Renraku Jimusho

Sketsa kartun yang mempernyatakan sindiran dan kritikan penguasaan ekonomi hasil getah pihak Berikat yang berpindah laba kepada pakatan Axis dokongan Jepun, Jerman dan Itali. Menguasai ekonomi bererti menguasai sumber dan kekayaan negara. Hal kekuasaan ekonomi ditonjolkan secara simbolik oleh Abdullah Ariff melalui karektor-karektor pimpinan besar dunia yang terlibat dalam kancah Perang Dunia Kedua. Barat semakin kering hasil, sebaliknya di pihak Axis, sokongan dan dokongan serta laba untung kian betambah saban waktu. Hal tersebut dapat diperhalusi melalui ekspresi wajah setiap pimpinan kedua-dua belah pihak. Dipihak Axis bergembira tawa sementara dipihak seterusnya mereka berkeluh kesah kerugian dan hilang kuasa.



**Visual 5:** Ilustrasi Perayaan “Tentyo Setsu Di Syonan”,  
The Syonan Sinbun 30 April 1943

Figura seorang pemuda yang dilukiskan lengkap berpakaian baju Melayu, bersongkok, bersampin dan memakai capal mewakili bangsa Melayu sebagai ras pribumi yang dominan di Malaya. Posisinya yang berada di kawasan tengah ilustrasi menjadi titik fokus dalam mempernyatakan keterlibatan dan sokongan bangsa Melayu kepada acara sambutan yang dijalankan. Hari kelahiran Tenno-Heika disambut gilang gemilang dengan kepelbagaian acara dan aktiviti yang dipersembahkan oleh pelbagai bangsa, terutamanya perkara yang terkait dengan kesenian dan budaya orang Melayu. Persembahan nyanyian oleh si pemuda dizahirkan dalam keadaan penuh penghayatan dan perasaan. Hal ini tergambar melalui ekspresi raut wajah, sorotan mata dan pergerakan tangan yang seakan menjiwai lagu yang didendangkannya. Berkemungkinan si pemuda mengumandangkan bait-bait senikata memuji kebaikan pentadbiran Jepun di Malaya dengan restu sang Maharaja seperti mana yang turut dilakukan oleh kolaborator dan propagandis melalui karya kesusasteraan, pengucapan lisan dan pesona visual propaganda. Imej sepanduk sambutan perayaan dan dua lantera bertulisan kanji berada betul-betul di bahagian belakang figura, memberi pemaknaan bahawa acara nyanyian merupakan aktiviti utama berbanding hal yang lain. Menjadi bukti yang dapat dikaitkan, memandangkan rapatnya kedudukan sepanduk utama dengan si pemuda yang sedang asyik menyanyi. Melengkapkan aturan pada maklumat visual ini adalah imej bendera Jepun (*Hinomaru*) dan bendera yang memakai simbol bulan sabit dan bintang sebagai simbolisasi integrasi, sokongan,

hubungan akrab dan kerjasama antara Dai Nippon dan masyarakat massa terutamanya bangsa Melayu beragama Islam. Visual ini secara halus merupakan usaha menarik hati khalayak dan seterusnya menyuntik racun indoktrinasi untuk terus menyokong pemerintahan Dai Nippon.

## Kesimpulan

Sentuhan aritistik, kreatif dan sinergetik pada karya propaganda Abdullah Ariff menjadi bukti bergambar coretan serta rentenan peristiwa, sewaktu era kacau bilau konflik Perang Dunia Kedua. Sketsa kartun bersifat indoktrinal dan propagandistik, dituangkan oleh sang seniman, mewarnai suasana perang. Kartun dapat ditanggapi sebagai salah satu medium atau senjata yang ampuh, buat mempernyatakan sokongan kepada gagasan baru dari timur yang menguasai Malaya ketika itu. Karya Abdullah Ariff yang berjaya dikesan sewaktu pendudukan Jepun, memberi bukti dan rekod bergambar bahawa beliau pernah menjadi kolaborator serta propagandis yang aktif berkreativiti di sepanjang tempoh yang penuh gelora tersebut.

## Rujukan

- Ahmad, Abu Talib, 2003, *The Malay Muslims, Islam and the Rising Sun: 1941–1945*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Ahmad Meah Baba Ahmed, (1992). *Penaklukan Jepun: Suka Duka di Georgetown*. Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd.
- Akhbar Penang Daily News (Oktober 1942 sehingga November 1942)
- Akhbar The Syonan Sinbun (15 Februari 1943)
- Cheah Boon Keng (2014). *Red Star Over Malaya; Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-46* (Cetakan keempat). Singapura: NUS Press Singapore.
- Lim, Cheng Tju (2009)."Forgotten Legacies": The Case of Abdullah Ariff's Pro-Japanese Cartoons During the Japanese Occupation of Penang. *Drawing The Line: Using Cartoon as Historical Evidence*, edited by Scully, Richard; Quartly, Marian. Melbourne: Monash University ePress.
- Md. Sidin Ahmad Ishak (1998). *Penerbitan & Percetakan Buku Melayu, 1807-1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Ali (2007). *Abdullah Ariff: Bapa Senilukis Moden Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Senilukis Negara.

# Pembangunan Dasar Kerajaan Dalam Kemajuan Industri Percetakan Melayu

Mohd Khairul Azahari bin Abdul Rani

*Jabatan Seni Reka Grafik dan Media Digital, FSSR, UiTM Kampus Seri Iskandar, Perak*

*mohdk173@perak.uitm.edu.my*

## Abstrak

‘Dasar’ menurut Kamus Dewan membawa maksud rancangan atau tindakan yang telah dipersetujui secara rasmi sebagai asas untuk membuat atau melaksanakan sesuatu keputusan. Ketetapan yang telah dibuat oleh kerajaan dalam membangunkan sesuatu asas atau prinsip serta pendirian kerajaan dipanggil Dasar Awam. Apabila menggubal sesuatu dasar, kerajaan sebenarnya menyatakan tujuan dan matlamatnya mengenai sesuatu perkara. Dengan adanya sesuatu dasar maka perancangan untuk mencapai matlamatnya dapat diadakan (INTAN, 1982). Industri percetakan yang melibatkan kaum Melayu di negara ini pernah melalui zaman kegemilangan hasil dari ketetapan atau polisi yang diluluskan oleh pihak kerajaan. Penglibatan kaum Melayu dalam industri percetakan menampakkan kejayaan mereka hasil dari bantuan pihak kerajaan dalam menaikkan taraf ekonomi kaum Melayu bukan sahaja dalam industri percetakan bahkan dalam pelbagai bidang perniagaan lain. Pada awal tahun 1970-an kaum Melayu telah berjinak dalam sektor perniagaan berdasarkan percetakan. Pada ketika itu tidak begitu ramai penglibatan kaum lain dalam industri ini. Lantaran kekurangan penglibatan kaum lain dalam industri ini, kaum Melayu melihat peluang yang besar boleh diperolehi dari bidang ini. Melihat kepada kesungguhan dan penyertaan yang begitu baik dalam industri ini, kerajaan menetapkan keseluruhan urusan perolehan percetakan kerajaan diserahkan kepada pencetak-pencetak Melayu untuk dicetak sebagai tanda sokongan kerajaan kepada kaum ini untuk terus maju.

Kata kunci: Percetakan, perolehan percetakan, Melayu, dasar

## Dasar Kerajaan

Menurut Mus Chairil Samani (2002), ‘dasar’ ialah rancangan bertindak untuk mengatasi permasalahan yang telah dikenalpasti dengan menggunakan strategi-strategi tertentu. Tambah Mus Chairil, dasar amat penting bukan setakat “apa yang dipilih oleh kerajaan untuk dilaksanakan tetapi apa juga yang tidak dilaksanakan.” Dasar-dasar awam negara tidak bersifat statik dan akan sentiasa berubah mengikut arus dan masa bagi memenuhi kehendak dan keperluan semasa.

Di negara ini badan yang dipertanggungjawabkan membangun dan meneliti serta mengkaji dasar awam ialah Kabinet. Kabinet akan dibantu oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Ketua-ketua Setiausaha (KSU) dan Ketua-ketua Jabatan dalam memberi pendapat dan nasihat serta membantu dalam penggubalan sesuatu dasar. Dasar awam boleh direalisasikan sama ada di peringkat Kabinet mahupun di peringkat Kementerian. Jika ada sesuatu dasar yang ingin dibangunkan di peringkat Kementerian, kuasa kelulusan untuk mewartakan dasar tersebut masih terletak pada pihak Kabinet. “Kabinet atau Jumaah Menteri adalah badan yang menjalankan kuasa eksekutif yang dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong. Dasar dan arahan Kabinet dilaksanakan oleh jentera pentadbiran kerajaan di peringkat Persekutuan. Kabinet diketuai oleh Perdana Menteri. Badan itu mengandungi ahli-ahli yang digelar Menteri yang memegang portfolio tertentu dan sama-sama bertanggungjawab mengenai semua keputusannya. Ia merupakan badan tertinggi di dalam negara untuk membentuk dasar-dasar kerajaan (INTAN, 1982).

Di Malaysia, terdapat pelbagai dasar yang dibangunkan. Dasar-dasar yang dibangunkan dan diluluskan mempunyai hubungan dan saling berkait antara satu sama lain. Di negara ini terdapat pelbagai dasar yang dibangunkan untuk memastikan setiap rancangan pihak kerajaan berjalan lancar. Walaubagaimanapun, tiada sebarang dasar umum yang dibangunkan khusus oleh kerajaan untuk industri percetakan terutama yang melibatkan kaum Melayu dan Bumiputra di Malaysia. Dalam kajian ini dasar kerajaan yang akan dibincangkan adalah merujuk kepada ketetapan kerajaan dalam membantu pengusaha-pengusaha percetakan dalam kalangan orang Melayu melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) 10 Tahun 1993 (SPP/10/93) yang dibangunkan oleh kerajaan bagi membantu industri percetakan Melayu untuk terus maju.

## Era Pasca Pembangunan Dasar

Penglibatan pelbagai kaum dalam pembangunan ekonomi dan perniagaan

banyak dilihat pada awal tahun 1970-an, ketika pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1971. Dasar yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan untuk menangani masalah ketidak seimbangan ekonomi di antara pelbagai kaum di Malaysia yang menjelaskan perpaduan antara kaum dan keamanan negara. Sejak Malaysia mencapai Kemerdekaan pada tahun 1957 hingga ke akhir tahun 1960an, pembangunan ekonomi didorong oleh kuasa pasaran. Hasilnya, Malaysia mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi tetapi masih wujud ketidakseimbangan yang serius. Hal ini bermakna, walaupun pertumbuhan ekonomi tinggi, kekayaan tidak diagihkan dengan baik. Golongan yang miskin, kebanyakannya kaum Bumiputera yang tinggal di kawasan luar bandar dan berkerja sebagai petani, masih ramai dan masih mundur. Manakala kaum Cina dan orang asing pula menguasai bidang perindustrian, perniagaan dan sektor korporat. Oleh sebab itu, dasar ini diperkenalkan untuk mengawal keadaan yang dinamakan *market failure* agar tidak berterusan.

Ekoran dari peristiwa rusuhan kaum pada tahun 1969, DEB diperkenalkan pada tahun 1970. Ia bertujuan untuk menghapus kemiskinan tanpa mengira kaum dan mengstruktur semula masyarakat supaya negara dapat membangun dengan stabil, aman di samping hasil pembangunan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat. Pengstrukturan semula masyarakat adalah supaya jenis kaum tidak sinonim dengan kegiatan ekonomi. Strategi serampang dua mata ini tertumpu kepada usaha menambah pendapatan golongan miskin dan penduduk di luar bandar, memodenkan sektor pertanian, meningkatkan tahap pelajaran, mewujudkan golongan komersial Bumiputera dan menambah pegangan ekuiti korporat Bumiputera. Sasaran juga ditetapkan iaitu 30% pegangan ekuiti korporat oleh Bumiputera, penetapan kuota kemasukan pelajar Bumiputera di universiti dan 30% daripada bilangan pekerja mestilah Bumiputera. Prinsip pokok pengstrukturan ini adalah supaya sasaran ini dapat dicapai dari ekonomi yang sedia berkembang dan tidak mengambil dari kaum Bukan Bumiputera untuk diberikan kepada kaum Bumiputera.

Penglibatan kaum Melayu dan Bumiputera dalam industri percetakan menampakkan pertambahan sekitar awal tahun 1970-an apabila DEB diperkenalkan. Pada ketika itu, percetakan hanya dimiliki oleh jabatan kerajaan sahaja iaitu Jabatan Percetakan Negara dan beberapa individu-individu Melayu yang membuka perniagaan percetakan. Perkembangan yang agak baik dalam industri percetakan telah menyaksikan pertambahan penglibatan orang-orang Melayu dalam bidang ini. Orang-orang Melayu telah menambah baik peralatan percetakan mereka supaya kapasiti pengeluaran dapat ditingkatkan. Melihat kepada kesungguhan orang-

orang Melayu dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi mereka dalam bidang ini dan penglibatan yang cukup tinggi dalam industri percetakan telah menyaksikan pula penubuhan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM). Penubuhan PPPMM ini adalah hasil nasihat Yang Dipertua Dewan Perdagangan dan Perindustrian Melayu Malaysia (DPPMM) iaitu YM Tengku Razaleigh Hamzah di mana pemilik industri percetakan dalam kalangan orang Melayu perlu memiliki satu persatuan untuk menjaga kebajikan dan meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu yang menceburii bidang perniagaan percetakan.

## Era Kejayaan Industri Percetakan Melayu

Sejurus perubahan tumpuk pentadbiran negara oleh Ybhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, perusahaan percetakan orang-orang Melayu telah mendapat suntikan semangat dari Perdana Menteri. Perdana Menteri telah membuat ketetapan di mana segala kerja-kerja percetakan yang melibatkan pelbagai kementerian, pentadbiran kerajaan pusat, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan seluruh agensi-agensi kerajaan perlu diagihkan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berstatus Bumiputera. Melihat kepada sokongan yang tidak berbelah bahagi kerajaan ketika itu kepada industri percetakan dalam kalangan orang-orang Melayu, maka pertambahan bilangan syarikat percetakan pemilikan orang Melayu semakin meningkat dalam senarai syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan keanggotaan dalam PPPMM. Bilangan keahlian dalam PPPMM pada awal penubuhannya hanya dianggotai seramai kira-kira 20 buah syarikat sahaja. Jumlah keahlian dalam PPPMM semakin mendapat tempat dalam kalangan pengusaha percetakan orang Melayu. Pertambahan bilangan ini disebabkan orang Melayu berpandangan industri percetakan telah mendapat pembelaan sepenuhnya dan bantuan yang sewajarnya dari pihak kerajaan.

Pada ketika itu, perusahaan percetakan di kalangan orang Melayu dianggap semakin maju dan moden. Hal ini dikatakan demikian kerana keanggotaan PPPMM dan pendaftaran dengan Kementerian Kewangan, memerlukan sesebuah syarikat percetakan itu mematuhi syarat iaitu memiliki segala peralatan percetakan yang berteknologi tinggi seperti mesin pemprosesan filem, mesin pemprosesan plat cetak, komputer, mesin cetak dan mesin penjilidan. Ini merupakan syarat utama yang ditetapkan oleh PPPMM dan Kementerian Kewangan yang ingin berdaftar sebagai pembekal dan pencetak yang ingin memperoleh tender percetakan dari kerajaan. Turut jelas dilihat jumlah keahlian yang semakin bertambah dalam keanggotaan PPPMM menunjukkan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu telah

membuat pelaburan yang besar dalam industri percetakan. Pelaburan ini dibuat agar berpeluang mendapat tender-tender percetakan yang besar dari pihak kerajaan. Antara tender-tender percetakan yang mendapat permintaan dalam kalangan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini ialah mencetak buku-buku teks Kementerian Pelajaran dan Laporan Tahunan kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan lain.

Hasil perolehan tender percetakan dari pihak kerajaan telah melahirkan ramai usahawan-usahawan Melayu yang berjaya. Malah ketika itu, telah lahir usahawan percetakan Melayu yang bergelar jutawan. Ini semua merupakan hasil bantuan dan komitmen yang tinggi dari kerajaan untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup orang Melayu. kerajaan juga ada menyediakan bantuan berbentuk pinjaman dari agensi-agensinya seperti MARA untuk membantu orang Melayu yang ingin menceburkan diri dalam industri percetakan pada ketika itu. Hasil bantuan kerajaan ini juga telah menyaksikan penguasaan yang besar kaum Melayu dalam industri percetakan di negara ini. Selain itu, ada pengusaha percetakan orang Melayu yang memberanikan diri untuk menubuhkan kilang percetakan dan penerbitan mereka sendiri. Pencaturan mereka amat tepat di mana kemajuan demi kemajuan telah dicapai sehingga menjadikan pengusaha ini berjaya dan disegani di seluruh pelosok negara sehingga ke hari ini. Kumpulan Karangkraf merupakan contoh terbaik kaum Melayu yang berjaya dalam industri percetakan dan penerbitan. Karangkraf juga merupakan syarikat percetakan anak Melayu yang berjaya hasil pembangunan Dasar Ekonomi Baru.

Pada awal tahun penglibatan kaum Melayu secara serius dalam industri percetakan, mereka banyak mengharapkan perolehan tender percetakan dari pihak kerajaan. Perolehan tender percetakan kerajaan oleh pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu ini melibatkan keseluruhan kerja-kerja mencetak produk percetakan tetapi tidak kepada percetakan produk-produk keselamatan. Antara kerja-kerja percetakan yang diperolehi oleh pengusaha percetakan orang Melayu seperti mencetak borang-borang rasmi, kepala-kepala surat kementerian, jabatan atau agensi-agensi kerajaan, bahan-bahan bercetak kegunaan pejabat, kad nama, surat dan kad jemputan; buku-buku teks sekolah, laporan-laporan rasmi seperti laporan tahunan, laporan mesyuarat dan pelbagai produk lain. Kerja-kerja percetakan keselamatan yang melibatkan produk-produk keselamatan kerajaan seperti buku cek, ijazah dan diploma institusi pengajian awam, kertas-kertas undi, kertas-kertas peperiksaan awam utama, percetakan akta-akta kerajaan, laporan suruhanjaya, laporan Parlimen dan pelbagai lagi yang berunsurkan keselamatan akan dicetak oleh Jabatan Percetakan Negara (JPN) ketika itu. Ini bagi memastikan tahap kerahsiaan kerajaan tidak dikomersialkan dan diketahui umum. Manakala tugas-tugas

percetakan produk-produk umum diberikan kepada pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu secara tender dan sebut harga.

Urusan pengagihan tender-tender percetakan kerajaan ini dijalankan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Percetakan Negara melalui Unit Pengurusan Tender kepada pengusaha-pengusaha percetakan bumiputera dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Unit Pengurusan Tender ini akan mengiklankan senarai tender-tender percetakan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dan Kementerian-kementerian lengkap dengan spesifikasi produk untuk diagihkan kepada pengusaha-pengusaha percetakan bumiputera yang boleh dikatakan dimonopoli sepenuhnya oleh kaum Melayu. Pengagihan tender-tender ini kepada pencetak-pencetak melalui kaedah “lawan harga” di mana pengusaha-pengusaha yang menawarkan harga yang terendah akan diutamakan. Pemilihan untuk menganugerahkan tender percetakan pula akan dibawa ke pihak jawatankuasa pemilihan. Jabatan Percetakan Negara hanya diberi tanggungjawab untuk menguruskan segala urusan percetakan umum kerajaan untuk diagihkan kepada pengusaha-pengusaha percetakan bumiputera manakala urusan percetakan buku-buku teks sekolah, buku-buku bacaan dan buku umum diuruskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan satu badan Kerajaan yang diberikan tanggungjawab sepenuhnya untuk kerja-kerja menerbit, mencetak, mengagih dan memasarkan buku-buku terbitan DBP kepada seluruh sekolah rendah, sekolah menengah dan masyarakat umum. Apabila Kerajaan telah membuat ketetapan di mana keseluruhan tender-tender percetakan perlu diagihkan kepada pengusaha-pengusaha percetakan Melayu, maka tugas-tugas pengagihan percetakan di DBP juga tidak terkecuali dari ketetapan tersebut. Maka dengan itu DBP telah diarahkan untuk membangunkan satu sistem pengagihan percetakan kepada kaum Melayu ini. Konsep yang lebih dikenali sebagai “payung” telah dibangunkan di mana DBP akan memayungi pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu ini, di mana keseluruhan kerja-kerja percetakan DBP akan diagihkan secara rata kepada syarikat-syarikat percetakan orang Melayu yang berdaftar di bawah sistem tersebut.

Kejayaan perusahaan percetakan orang Melayu, melalui konsep ‘payung’ yang dihidupkan oleh DBP ini, telah menaikkan taraf ekonomi orang Melayu suatu ketika dulu. Pengagihan tender-tender percetakan DBP ini juga mengikut kaedah yang telah dibuat oleh Jabatan Percetakan Negara iaitu melalui sebut harga dan syarikat yang menawarkan harga yang kompetitif kebiasaannya akan memperolehi tender tersebut. Cuma ada satu kelainan kaedah tambahan yang diwujudkan oleh pihak DBP

di mana syarikat-syarikat percetakan ini mempunyai kelengkapan yang lengkap dan kepakaran tenaga kerja kerana kerja-kerja percetakan buku teks dan bahan bacaan umum lain merupakan tugas yang agak rumit dan memerlukan ketelitian yang tinggi. Selain itu, ketetapan masa mencetak dan kerja-kerja pengagihan yang singkat amat menguji keupayaan syarikat-syarikat percetakan ini.

Tender-tender percetakan yang diagihkan DBP kepada syarikat-syarikat percetakan orang Melayu amat tinggi jumlahnya. Sejak ketetapan yang dibuat kerajaan untuk mengagihkan kerja-kerja percetakannya kepada pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu yang kebanyakannya berdaftar dengan PPPMM dan tugas-tugas mencetak dan menerbitkan buku-buku teks sekolah dan bahan bacaan lain telah diberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada DBP, maka pemilik-pemilik syarikat percetakan orang Melayu semakin bertambah maju dan berjaya. Ketetapan pengagihan kerja-kerja mencetak buku-buku teks dan bahan bacaan lain kepada pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu berjumlah tidak kurang RM90 juta setahun telah memperlihatkan orang Melayu menambah pelaburan mereka bagi memperolehi dan menambah baik kelengkapan dan perlatan percetakan. Selain itu, jumlah tenaga kerja dalam industri percetakan orang Melayu sekitar tahun 1980-an berjumlah hampir 20,000 orang seluruh Malaysia (Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia kepada Perdana Menteri Malaysia, 2005). Ini menunjukkan industri percetakan orang Melayu diiktiraf sebagai industri percetakan terbesar di antara kaum-kaum lain di Malaysia.

Selepas kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai oleh pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu melalui bantuan dan perolehan tender-tender percetakan dari pihak Kerajaan, maka satu mekanisme baru telah diambil bagi mengurangkan bebanan kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan. Mekanisme baru ini diperkenalkan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan dan kewangan yang besar yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan. Mekanisme baru ini meliputi keseluruhan operasi-operasi perusahaan awam yang melibatkan komitmen Kerajaan sepenuhnya seperti Jabatan Letrik Negara menjadi Tenaga Nasional Berhad dan Jabatan Pos menjadi Pos Malaysia. Industri percetakan orang Melayu juga mula menampakkan kegoyahan di mana mekanisme baru yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan iaitu untuk mengkorporatkan Jabatan Percetakan Negara kepada syarikat yang diperbadankan mungkin akan mengurangkan perolehan tender-tender percetakan kerajaan kepada kaum Melayu yang selama ini merasai kesenangan hasil perolehan tender-tender percetakan kerajaan. Asas utama untuk mengkorporatkan perusahaan awam ini adalah agar menjadikan perusahaan awam yang sebelum ini di bawah naungan kerajaan, memperoleh pendapatan sendiri

dan secara tidak langsung mengurangkan bebanan kewangan pihak kerajaan. Selain itu, pengkorporatan ini berlaku untuk merealisasikan objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan kerajaan. Salah satu objektif DEB adalah menyediakan peluang untuk menambahkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan dari segi kesaksamaan, guna tenaga, pemasaran dan khidmat professional.

## Kesimpulan

Industri percetakan kaum Melayu menikmati pelbagai keistimewaan hasil bantuan dan sokongan kerajaan untuk kaum ini terus bersaing dalam arena perniagaan. Polisi kerajaan yang menetapkan segala urusan perolehan percetakan diserahkan kepada kaum Melayu jelas telah meningkatkan taraf sosio ekonomi kaum ini. Walau bagaimanapun kebergantungan kaum ini kepada kerajaan terus menerus akan menyebabkan kaum ini tidak dapat berdiri dengan sendirinya dalam lapangan perniagaan yang diceburi. Menurut Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkraf, Dato Hussamuddin Yaacub kebergantungan yang begitu ketara ini akan menyebabkan industri percetakan Melayu akan mundur dan menimbulkan persaingan yang cukup hebat antara mereka akibat perebutan perolehan percetakan kerajaan. Apabila ini berlaku maka tidak mustahil satu ketika nanti akan ada pengusaha-pengusaha percetakan yang akan menutup perniagaan mereka disebabkan kebergantungan ini. Dalam arus pemodenan negara bagi ke arah kerajaan elektronik pada masa hadapan, industri percetakan akan mengalami zaman kemalapan kerana kerja-kerja manual yang melibatkan borang-borang bercetak sebelum ini akan digantikan dengan penggunaan sistem-sistem yang lebih canggih. Selain itu kemunculan media-media baru sedikit sebanyak telah mengurangkan permintaan tempahan percetakan kerana segala maklumat boleh diperolehi dengan mudah melalui hujung jari sahaja.

## Bibliografi

- Barlow, Colin (ed.) 2001. Modern Malaysia in the Global Economy, Cheltenhem: Edward Elgar
- Byrd, Cecil K., 1991. Percetakan Awal Di Jajahan Selat 1806-1858. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- David Easton (1965). A Systems Analysis of Political Life. Englewood Cliffs, N.J. Prentice-Hall, Inc
- Mahani Zainal Abidin, 2002. Rewriting The Rules, The Malaysia Crisis Management Model. Kuala Lumpur: Prentice Hall

Memorandum Bantahan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia kepada Perdana Menteri 2004/2006

Memorandum Bantahan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia kepada Perdana Menteri 2006/2008

Memorandum Bantahan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia kepada Perdana Menteri 2008/2010

Memorandum Bantahan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia kepada Perdana Menteri 2010/2012

Mus Chairil Samani, 2002. Pembangunan Buku Teks Sekolah Di Malaysia: Dasar Amalan dan Ekonomi Penerbitan. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya. Kuala Lumpur

William Case, 2004. Malaysia New Reforms, Old Continuities, Tense Ambiguities. In Kevin Hewison and Richard Robson, eds. East Asia and the Trials of Neo-Liberalism. London Routledge